

Dr M contoh ketua negara Islam: Ahli Parlimen Britain

BH 21 MAR 2002
Oleh Wan Esuriyanti
Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu – Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilihat sebagai ketua negara contoh kepada pemimpin Islam dunia kerana berani bersuara di arena antarabangsa terutama dalam mempertahankan imej agama.

Ahli Parlimen Islam dari Britain Khalid Mahmood, berkata adalah sesuatu perkembangan positif apabila ada pemimpin dari negara Islam yang boleh tunjuk kepada dunia bahawa masyarakat Islam boleh berjaya.

"Inilah yang kita perlukan, seorang pemimpin Islam yang tampil menunjukkan dunia bahawa masyarakat Islam boleh berjaya dalam semua bidang. Sekali gus dapat menangkis imej negatif terhadap agama Islam.

"Beliau (Dr Mahathir) adalah contoh yang baik kerana pembangunan yang dibawa kepada Malaysia," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail dan Kelab Penyokong Kerajaan di Parlimen di sini hari ini.

Khalid yang juga dari parti Buruh, parti pemerintah negara Britain, adalah seorang daripada kumpulan pemimpin Islam negara itu yang berada di sini untuk lawatan tiga hari.

Pemimpin lain di dalam kumpulan itu termasuk bekas pem-

bantu setiausaha politik Perdana Menteri Britain, Tony Blair, Farzana Hakim; Lord Patel of Blackburn, ahli parlimen; Kaunselor Parti Buruh, Azhar Ali; dan Penasihat kepada pemimpin Parti Konservatif, Mohamed Riaz.

Khalid berkata, serangan 11 September ke atas Amerika Syarikat memberi kesan kepada imej Islam termasuk masyarakat Islam di Britain yang menjadi minoriti kepada penduduk di negara berkenaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, masyarakat Islam di sana berjaya menangkis segala persepsi negatif itu.

"Jadi, kita perlukan pemimpin yang berani untuk bersuara bagi meningkatkan semula imej agama Islam," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, beliau bersama ahli kumpulan yang lain amat tertarik dengan pembangunan dan perkembangan yang dicapai di Malaysia.

Khalid berkata, pihaknya ingin mempelajari pendekatan yang digunakan umat Islam Malaysia dalam kerjasama dengan masyarakat bukan Islam di negara ini.

Mengenal sama ada pemimpin Islam Britain akan menentang keputusan kerajaannya dalam menyokong serangan Amerika terhadap Iraq, beliau berkata, perkara itu belum diputuskan kerajaan Blair.

"Blair berjanji untuk membawanya ke parlimen tetapi sehingga hari ini, belum ada keputusan bagi tindakan itu," katanya.